

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld.3 (84)

25 November 2024
23 Jamadilawal 1446H

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 41/2024

IKLAN JAWATAN PENDAFTAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Dimaklumkan bahawa permohonan bagi jawatan **Pendaftar Gred Utama B (VU6) / C (VU7)** di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) adalah dibuka untuk permohonan.

2. Pegawai Tadbir di UTM pada Gred N54 dan ke atas adalah dijemput untuk memohon. Sehubungan dengan itu, calon yang layak boleh mengemukakan permohonan masing-masing untuk dipertimbangkan ke jawatan tersebut dengan melengkapkan borang permohonan di pautan <https://registrar.utm.my/career/>.
3. Permohonan yang lengkap perlu dihantar **sebelum atau pada 8 Disember 2024 (Ahad)** melalui borang permohonan yang telah disediakan.
4. Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada :

Puan Norly binti Mazlan

Ketua Seksyen Perjawatan dan Kenaikan Pangkat
Bahagian Sumber Manusia
Jabatan Pendaftar
Universiti Teknologi Malaysia
No. Telefon : 07-5531189
E-mel : norly@utm.my

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH"

Saya yang menjalankan amanah,



(PROF. EMERITUS DATO' IR. TS. DR. ZAINAL BIN MOHAMED)

Pengerusi

Jawatankuasa Saringan Bagi Pelantikan Ke Suatu Jawatan Pendaftar, Bendahari, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang Universiti Teknologi Malaysia

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah UTM Kampus Pagoh
 - Pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah

**IKLAN JAWATAN PENDAFTAR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

1. Maklumat Jawatan:

Jawatan	:	Pendaftar
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pengurusan Tertinggi
Gred Jawatan	:	Gred Utama C (VU7)/B (VU6)
Gaji Hakiki (Anggaran)	:	Minimum – RM7, 990.00 Maksimum – RM22, 040.00
Taraf Lantikan	:	Tetap/Pemangku/Peminjaman
Tempoh Lantikan	:	Tiga (3) tahun untuk setiap lantikan tertakluk kepada keputusan Lembaga Pengarah Universiti (LPU)
Punca Kuasa	:	Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Pindaan 2012)
Bidang Tugas	:	Melaksanakan tugas sebagai Pendaftar seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan UTM dan Statut Universiti Teknologi Malaysia (Pendaftar) 2020 serta menjalankan tugas-tugas dan fungsi-fungsi lain yang diarahkan Naib Canselor dari semasa ke semasa.

2. Syarat-Syarat Asas Lantikan:

- a) Memiliki Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh kerajaan dari institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan Lulus SPM dengan Kepujian (sekurang-kurangnya gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- b) Calon menyandang jawatan Pegawai Tadbir di UTM pada Gred N54 dan ke atas.
- c) Mempunyai pengetahuan dalam pengurusan dasar dan governan, perancangan strategik organisasi dan tadbir urus universiti.
- d) Mempunyai nilai teras UTM merangkumi Integriti, Sinergi, Kecemerlangan, Kelestarian dan Inovasi serta sifat kepimpinan yang dicontohi, berorientasikan sikap kerja berkumpulan dengan keupayaan untuk membentuk kerjasama dan memimpin kumpulan di arah kecemerlangan Universiti.
- e) Mempunyai pengalaman jaringan kolaborasi bersama pihak berkepentingan dengan Kementerian Pendidikan Tinggi.
- f) Syarat-syarat lain:
 - i. Telah disahkan dalam perkhidmatan;
 - ii. Telah mengisytiharkan harta dan diluluskan (masih dalam tempoh sah);
 - iii. Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM);

- iv. Bebas daripada hukuman/tindakan tatatertib;
- v. Bebas dari disenaraikan sebagai peminjam tegar;
- vi. Diperakukan oleh Ketua Jabatan;
- vii. Disahkan sihat oleh Pengamal Perubatan Berdaftar; dan
- viii. Calon-calun yang berumur 45 tahun hingga 57 tahun pada tarikh pelantikan adalah diberi keutamaan.

Kriteria Umum:

a) Kecemerlangan Akademik

Mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran (PhD) adalah satu kelebihan. Mendapat "*command of respect*" dalam kalangan rakan sejawat. Mempunyai rekod kecemerlangan dalam pengurusan serta cemerlang dalam khidmat profesional.

b) Kebolehan Memimpin dan Mengurus

Mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, menggerakkan pasukan, mempunyai gagasan, visi dan misi selaras *core business* universiti serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan.

c) Reputasi

Menjadi "*role model*" kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dengan *proven track record*, disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat di dalam dan di luar kampus.

d) Proaktif

Mempunyai pemikiran dan sikap yang proaktif serta mampu mengurus kepelbagaian dalam apa jua situasi dan mempunyai daya kreativiti yang tinggi, konstruktif, saintifik, progresif, inovatif, kritikal, global serta analitikal.

e) Kemahiran Komunikasi dan *Interpersonal* Yang Mantap

Memiliki kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap dalam mentadbir pelbagai lapisan masyarakat kampus yang *multicultural*.

f) Personaliti/ Jati Diri

Seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, berpandangan jauh, proaktif, dinamik, bertanggungjawab, beretika, berintegriti, berfikiran rasional, patriotik, serta mempunyai motivasi tinggi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.

g) Pengurusan Konflik

Berkeupayaan mengenalpasti konflik dan menguruskannya dengan baik dan berhemah.

h) Pengalaman

Pernah mengetuai Jabatan/Bahagian penting di mana-mana universiti dan pengalaman yang luas dalam bidang pengurusan dan pentadbiran kampus sekurang-kurangnya 10 tahun.

i) Lain-lain Kriteria

Lain-lain kriteria yang difikirkan sesuai oleh Universiti.

Kriteria Khusus:

a) Kecemerlangan Kepimpinan dan Tadbir Urus

i) Berorientasikan Pencapaian

Berpengetahuan dan mantap dalam tadbir urus bagi meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian di Universiti dan mampu membawa Universiti mendapat/mengekalkan penarafan yang tinggi dan cemerlang.

ii) Pengurusan Sumber Manusia

Berkebolehan mengoptimumkan sumber-sumber organisasi dan menambah baik strategi sumber manusia untuk membangunkan kapasiti tenaga kerja dalam memenuhi keperluan semasa dan akan datang dan menyediakan hala tuju yang jelas untuk mencapai jangkaan.

iii) Pengurusan Akademik

Berupaya untuk memberi penasihat berkaitan pengurusan akademik universiti dan memantau hal-ehwal pengurusan dan pembangunan akademik.

iv) Pengurusan Perubahan dan Risiko

Berusaha menguruskan perubahan dalam organisasi secara berkesan dengan menggunakan segala sumber dan keupayaan sedia ada. Berusaha mengurangkan risiko dalam setiap hasil kerja yang dilaksanakan melalui aktiviti pengurusan risiko.

v) Pengurusan Kewangan

Mengurus sumber kewangan yang telus dan mencapai nilai untuk wang dan hasil yang optima (*value for money*).

vi) Berkemahiran Dalam Memahami Teknologi Terkini

Berupaya menyumbang kepada pencarian, penyimpanan, penerokaan dan perkongsian pengetahuan ilmu-ilmu baharu dalam usaha mewujudkan persekitaran sosial, merangsang dan menggalakkan penciptaan pengetahuan dan *knowledge transfer*.

Berkebolehan untuk membawa perubahan pentadbiran dalam penggunaan teknologi maklumat seperti *Internet of Things (IOT)*, data analitik dan sebagainya bagi membantu dalam pembuatan keputusan.

b) Pemikiran Strategik

Berkebolehan mengenal pasti, menjangka dan menganalisis isu dan masalah serta boleh mengatur strategi penyelesaian yang berkesan.

Berkebolehan melihat situasi dari pelbagai dimensi serta berkeupayaan mengambil tindakan dan membuat keputusan mengikut keutamaan, berpandangan jauh dan melihat isu dari perspektif yang luas dan menyeluruh.

Berkemahiran dalam merancang dan membangunkan Pelan Strategik Organisasi serta mentafsirkannya sehingga ke peringkat pelaksanaan.

c) Kepimpinan Berteraskan Nilai dan Etika

Memiliki dan mempraktikkan nilai dan etika yang tinggi dalam setiap tindakan serta menggalakkan prinsip ketelusan, keadilan, integriti dan profesionalisme dalam pengurusan organisasi secara keseluruhan.

Menegakkan prinsip-prinsip kepimpinan yang baik termasuk bersikap anti rasuah, berdisiplin tinggi dan sentiasa mempamerkan komitmen yang tinggi serta bebas daripada gangguan diskriminasi.

Membina dan menggalakkan persekitaran kerja yang sihat, selamat dan sejahtera.

Berupaya menerapkan nilai dan budaya organisasi iaitu Integriti, Sinergi, Kecemerlangan dan Kelestarian (ISES).

d) Berkepakaran Dalam Membudayakan Idea Kreativiti dan Inovasi Dalam Pentadbiran

Berkebolehan mencetus idea-idea baru dan meningkatkan usaha untuk mentransformasi organisasi ke arah penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan berdasarkan peraturan-peraturan dan undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

e) Mempunyai Jaringan Hubungan Yang Luas

Berkebolehan mengenalpasti dan mengambil peluang untuk membina perkongsian strategik dari segi maklumat, idea, pengetahuan dan kepakaran dengan pelbagai pihak untuk faedah dan kepentingan organisasi serta masyarakat.

Berpengalaman dan libat sama dalam program berkaitan bidang tugas serta menerapkan nilai-nilai kebersamaan dengan anggota kerja dalam organisasi, nasional dan antarabangsa.

f) Perkongsian Pengetahuan

Berkebolehan dalam berkongsi pengetahuan melalui perkongsian pengetahuan secara lisan melalui ceramah dll. dan/atau penulisan buku/ artikel/ jurnal dsb.